

05/07/2000

Ibu pejabat puas hati Perak kendali mesyuarat MT

IPOH, Selasa - Ibu pejabat Umno akan menyusun jadual giliran badan perhubungan negeri yang akan menjadi tuan rumah mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) selepas Perak berjaya mengendalikan majlis itu dengan sempurna di sini, semalam.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaacob, berkata jadual lengkap berhubung giliran badan perhubungan negeri menjadi tuan rumah mesyuarat MT penting supaya majlis itu dapat dianjurkan dengan lancar terutama membabitkan program bersama rakyat.

"Saya berpuas hati dengan Badan Perhubungan Umno Perak yang berjaya menjadi tuan rumah mesyuarat MT dengan baik.

"Saya lihat sambutan baik, peralatan lengkap dan layanan juga bagus," katanya ketika ditemui selepas majlis makan malam bersama ahli MT, pemimpin, ahli parti dan ketua jabatan di kediaman Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, di sini.

Semalam, bandar raya ini menjadi tuan rumah pertama mesyuarat MT yang menyaksikan semua ahli MT kecuali lima orang hadir pada mesyuarat itu yang kali pertama beralih angin dari ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Mengikut keputusan MT, mesyuarat akan diadakan dua kali sebulan dan peluang diberi kepada badan perhubungan negeri mengendalikan satu daripada mesyuarat terbabit.

Mesyuarat itu diadakan di kediaman Menteri Besar mulai jam 3.30 petang manakala acara berasingan disusun membabitkan isteri ahli MT seperti pertandingan badminton persahabatan.

Mesyuarat itu berlangsung dengan sempurna walaupun timbul kebimbangan berlakunya kejadian buruk akibat kes kecurian 146 senjata api pelbagai jenis dari Kem Batalion 304 Infantri, Askar Wataniah (AW) Grik, Ahad lalu.

Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata, pihaknya belum menetapkan badan perhubungan negeri yang akan menjadi tuan rumah mesyuarat MT akan datang.

"Kita belum tetapkan lagi. Mesyuarat akan datang diadakan di Kuala Lumpur," katanya.

Beliau berkata, jadual lengkap perlu disusun supaya program lebih efektif terutama membabitkan pertemuan dengan pemimpin dan ahli parti dapat diadakan dengan sempurna.

"Kita mahu ahli MT berpeluang berjumpa sendiri pemimpin pada peringkat cawangan dan bahagian setiap kali mesyuarat berakhir," katanya.

Sementara itu, Khalil mengulangi nasihat Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta ahli Umno agar tidak terlalu ghairah bertanding pada pemilihan bahagian tahun depan.

"Saya harap ahli Umno akan terima nasihat itu. Anggaphlah pemilihan itu sebagai suatu proses biasa dan bukan melakukan sesuatu yang boleh menimbulkan rasa ghairah ahli," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai kedudukannya sebagai pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang dengan Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaacob dilantik sebagai timbalannya, beliau berkata: "Tidak ada masalah. Pengerusi dan timbalan sama, ini masalah giliran sahaja dan kita jalankan tugas bersama.

"Betul kata Adnan, dia nak tumpukan tugas sebagai Menteri Besar, tidak ada perbezaan, ini perkara biasa. Saya beri kepercayaan penuh kepada Adnan."

(END)